

**19873**

**A. Samad Idris et al. Luak tanah mengandung. Seremban:  
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri dan  
Kerajaan Negeri Sembilan, 1994.**

## **BAB 3**

---

# **LUAK TERACHI**

---



**Dato' Mohamad Nasir bin Haji Nordin.**  
**Dati' Anjah Pahlawan Orang Kaya Lela Setiawan**

(Penghulu Luak Terachi)



**Dato' Harun bin Sulaiman**  
(Dato' Seri Amar Raja)



**Dato' Mohd Sidek b. Ab. Mauaf**  
(Dato' Amar Pahlawan)

## **PENGHULU LUAK DAN LEMBAGA LUAK TERACHI**

1. Dato' Anjah Pahlawan Orang Kaya Lela Setiawan  
(Dato' Mohamad Nasir bin Haji Nordin) - Penghulu Luak Terachi  
Suku Seri Lemak Pahang
2. Dato' Andatar - Bakal Penghulu Luak  
Suku Seri Lemak Pahang
3. Dato' Seri Amar Raja  
(Dt. Harun b. Sulaiman) - Kepala Waris  
Suku Seri Lemak Pahang
4. Dato' Amar Penghulu  
(Dt. Osman B. Ahmad) - Kepala Waris  
Suku Seri Lemak Pahang
5. Dato' Raja Sekara  
(Dt. Abd. Aziz Kassim) - Suku Seri Lemak Pahang  
(Lembaga)
6. Dato' Raja DiMuda  
(Dt. Deli bin Tahir) - Suku Biduanda
7. Dato' Menteri Maharaja  
(Dr. Abd. Rahman b. Oyok) - Suku Tiga Nenek
8. Dato' Amar Pahlawan  
(Dt. Mohd Sidek b. Ab. Manaf) - Suku Anak Aceh
9. Dato' Raja Senara  
(Dt. Hashim b. A. Rahman) - Suku Batu Belang
10. Dato' Paduka Menteri  
(Dt. Hj. Jamlus b. A. Ghani) - Suku Batu Hampar

# LUAK TERACHI

## 1. PENEROKA LUAK TERACHI

1.1 TIGA keluarga Minangkabau datang ke Luak Terachi meneroka membuka tanah sawah dengan kesuburan buminya yang pamah di kiri kanan sebatang sungai. Inilah permulaan kepada penerokaan Luak Terachi. Tidak dapat disorot tarikh sebenar pembukaan Luak Terachi ini, tetapi dapat dianggarkan sekitar kurun kelapan belas.

1.2 Sebelum kedatangan Raja Melewar, Luak Terachi termasuk di bawah Ulu Muar yang terletak sebelah timurnya lereng Gunung Angsi, terus melalui kawasan tanah pamah hingga masuk ke sungai Muar. Sebahagian daripada Luak Terachi ini pula sebelum diteroka termasuk di bawah pentadbiran Sungai Ujong. Tiga keluarga Minangkabau yang meneroka Luak Terachi ini, bagaimanapun kemudiannya berpecah penempatan masing-masing seperti berikut:

- i. Sekeluarga menebus di Padang Biawas.
- ii. Sekeluarga menebus di Kuala Tembeling, Pahang.
- iii. Sekeluarga menetap di Padang Lebar, Terachi.

1.3. Disebabkan keluarga mereka tidak berkembang, maka keluarga yang menetap di Terachi itu menjemput semula dua keluarga terbabit kembali ke Terachi. Bermula daripada sinilah tiga keluarga berkenaan mewujudkan tiga suku terpenting di Luak Terachi, iaitu:

- iv. Keluarga yang menebus di Padang Biawas melahirkan suku Tiga Nenek.
- v. Keluarga yang menebus di Kuala Tembeling, Pahang asalnya suku seri Lemak Pahang, dan
- viii. Keluarga yang menetap di Padang Lebar, adalah keturunan suku Biduanda.

Tiga keluarga Minangkabau ini menurut sumber lisan diketuai oleh Moyang Sulong dan nenek Tetek Labuh (atau dikenali juga Nenek Panjang Rambut). Nenek Tetek Labuh ini mempunyai rambut panjang, hingga apabila dia menyorokkan anak kecilnya di dalam rambut tidak dapat dilihat oleh sesiapa pun.

Begitu juga apabila dia menyusukan anaknya yang didukung di belakang, tidak perlu dikelek lagi. Dia akan melemparkan teteknya ke belakang hingga bayi tersebut dapat menyusunya. Cerita-cerita begini terdapat persamaan di beberapa buah negeri lain seperti di Pahang dan Kedah mengenai perempuan yang mempunyai tetek labuh dan rambut panjang.


Klise mengenai cerita perempuan bertetek labuh ini seakan-akan sama dengan kisah Nakhoda Tanggang yang terdapat persamaan di beberapa negeri termasuk juga Malim Kundang di Minangkabau dan Anak Kuda Manis di Berunai. Bagaimanapun mengenai Nenek Tetek Labuh itu masih wujud lagi hingga sekarang.

- 1.4 Peneroka Luak Terachi ini agak berbeza antara cerita lisan dengan catatan sejarah yang ditulis oleh Nathan dan Winstedt. Dalam 'Papaers on Malay Subject', Luak Terachi diteroka oleh Nyai Tanjung seorang perempuan berasal dari Pahang yang menetap di Kampung Jual di Seri Menanti.

Penghulu Ahmad, penghulu luak yang pertama adalah anak Nyai Tanjung ini. Pemilihan Penghulu Ahmad sebagai penghulu berdasarkan ibunya sebagai peneroka asal yang membuka Luak Terachi.

- 1.5. Disebabkan Nyai Tanjung pernah menetap di Pahang, maka keturunannya inilah asal bagi suku Seri Lemak Pahang itu. Bagaimanapun daripada cerita lisan di Terachi penduduk asal Luak Terachi ialah keluarga yang menetap di Padang Lebar daripada keturunan Nenek Tetek Labuh dan anaknya Dato' Janggi. Tidak ada tokoh bernama Nyai Tanjung di dalam terombo Luak Terachi, sekalipun kita boleh membuat andaian mengenai sempena nama Tanjung Ipoh sebuah pekan yang terletak di Terachi.

- 1.6 Kalau berdasarkan Penghulu Ahmad anak kepada Nyai Tanjung, di dalam salasilah Penghulu Luak Terachi disebutkan emak Penghulu Ahmad ialah Nyai Syadi. Di bawah ini disenaraikan salasilah Moyang Sulong sebagai susur galur keturunan penghulu luak seperti yang terdapat dalam catatan di Luak Terachi:



Beberapa orang Dato' Lembaga di sini mengesahkan, Nyai Syadi adalah orang yang sama dengan Nyai Tanjung. Sekiranya Nyai Syadi atau Nyai Tanjung ini menetap di Terachi, siapakah pula yang berhijrah dari Pahang sebagai terbukanya lembaran mengenai keturunan suku Seri Lemak Pahang menjadi penghulu luak pertama di Terachi.

- 1.7 Luak Terachi jelas tidak terbentuk sebelum kedatangan Raja Melewar. Alasan ini boleh diambil kira kerana Luak Terachi tidak termasuk dalam pakatan pembentukan sembilan negeri yang dikenali Negeri Sembilan dalam tahun 1773 di bawah pemerintahan Raja Melewar.
- 1.8 Adalah diakui pada peringkat awalnya sebahagian daripada Terachi merupakan wilayah Ulu Muar, manakala sebahagian lagi di bawah wilayah Sungai Ujong. Fakta sejarah juga menunjukkan pernah berlaku perbalahan antara Luak Ulu Muar dan Luak Sungai Ujong dalam tahun 1824 mengenai pengganti Yamtuan selepas mangkatnya Yamtuan Lenggang.
- 1.9 Dato' Kelana Putra Sungai Ujong, Dato' Bahi telah menjemput seorang lagi anak raja dari Minangkabau bernama Raja Laboh yang bergelar Yamtuan Sati. Perlantikan ini dibantah oleh Dato' Bongkok Abdul Malik, penghulu luak Ulu Muar. Dalam pergaduhan ini Dato' Abdul Malik berjaya menghalau Yamtuan Sati balik ke Minangkabau tahun 1826. Beliau kemudiannya mengisytiharkan putera Yamtuan Lenggang menaiki takhta iaitu Yamtuan Radin.
- 1.10 Dengan kemenangan Penghulu Dato' Bangkok Abdul Malik ini, terpaksa Dato' Kelana Putra Dato' Bahi mengakui Yamtuan Radin sebagai Yamtuan Besar di Seri Menanti. Kalau berdasarkan kepada pergolakan di antara Luak Ulu Muar dan Luak Sungai Ujong, dapat diandaikan Luak Terachi wujud



dalam tempoh berkenaan. Keadaan kemelut antara dua luak berkenaan boleh mendorong penduduk-penduduk di Teranchi keluar daripada menjadi wilayah Luak Ulu Muar dan Luak Sungai Ujong.

## 2. ASAL NAMA TERACHI

- 2.1 Sewaktu orang-orang Minangkabau meneroka di Terachi mereka mengupah beberapa orang, orang asli menebang sebatang pokok besar terletak di tapak Sekolah Kebangsaan Terachi sekarang. Setelah berhari-hari orang asli ini membuat kerja, pokok berkenaan tidak juga tumbang. Sikap orang asli ini mengambil upah menebang pokok tersebut tidak disenangi oleh orang-orang Minangkabau.

"Macam ni tak aci, upah sudah diambil, tetapi kerja tak buat" rungut beberapa orang Minangkabau yang mengupah orang asli berkenaan. Sebenarnya menebang pokok besar bukanlah mudah ketika itu disebabkan kelengkapannya hanya kapak dan beliuang sahaja. Tentulah memakan masa berhari-hari bagi menebang sebatang pokok yang besar.

Tetapi disebabkan rasa tidak disenangi hati itu diluahkan mejadi kemarahan, maka perbuatan orang asli itu dianggap sebagai 'menipu' dan dirasakan 'tidak aci' (atau tidak dapat diakui) oleh orang-orang Minangkabau. Berpunca daripada peristiwa menebang pokok besar inilah mereka menamakan tempat berkenaan 'Tak Aci' hingga akhirnya bertukar menjadi 'Terachi'.

- 2.2 Sempadan Luak Terachi ini meliputi hingga simpang ke Seri Menanti dan tebing sungai di Ulu Muar hingga ke Air Itam di sebelah timurnya. Dalam tulisannya mengenai Luak Terachi tahun 1830-an, Newbold menyebut:


*"..... Peringkat awalnya bahagian timur Terachi adalah di bawah pentadbiran Penghulu Luak Ulu Muar; dan sebelah baratnya diperintah oleh Sungai Ujong; dan andaian ini adalah tepat...."*

- 2.3 Disebabkan cerita lisan tidak mempunyai fakta tarikh, maka sejarah Luak Terachi tidak dapat disesuaikan dengan fakta tarikh dengan luak-luak yang lain di Tanah Mengandung. Peristiwa Penghulu Ahmad mengadap Sultan Johor dikatakan Sultan Abdul Jalil yang bersemayam di Pagoh. Dalam sejarah Johor tidak ada sultannya yang bersemayam di Pagoh.

- 2.4 Terdapat enam orang Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil ketika wujudnya kerajaan Melayu Johor seperti dicatatkan dalam sejarah Johor iaitu:
- i. Sultan Abdul Jalil Shah I (1570 - 1571) bersemayam di Bukit Seluyut, mangkat ketika berumur 9 tahun.
  - ii. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (1571 - 1597) bersemayam di Tanah Puteh.
  - iii. Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) 1623 - 1677) bersemayam di Pulau Lingga.
  - iv. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (Bendahara) (1699 - 1718) bersemayam di Panchor.
  - v. Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (Raja Kechil dari Minangkabau) (1718 - 1722), mangkat di Siak, Sumatera.
  - vi. Sultan Abdul Jalil Rahmat Muazam Shah (1760 - 1761) bersemayam di Kuala Selangor (mangkat terlalu tua dan dibawa ke Riau)
- 2.5 Peristiwa luak-luak di Negeri Sembilan keluar daripada pemerintahan Johor kalaulah mendapat mohor Sultan Abdul Jalil, kemungkinan ialah Raja Kecil dari Minangkabau yang mengisytiharkan dirinya Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah iaitu sekitar tahun 1718 - 1722. Apalagi penduduk-penduduk di luak terbabit terdiri daripada keturunan Minangkabau.
- 2.6 Sekiranya Luak Terachi menerima cop mohor Sultan Abdul Jalil juga bermakna kebangkitan luak ini sama dengan luak Johor, kerana Undang Luak Johor Dato'Sitiwan II tahun 1760 - 1790, iaitu Undang Luak Johor ketiga.
- 2.7 Bagaimanakah pula Luak Terachi menjadi sebahagian daripada Luak Ulu Muar, sekiranya Penghulu Ahmad mendahului Penghulu Naam. Di bawah ini disenaraikan salasilah keturunan Penghulu Ahmad seperti catatan di Luak Terachi yang tidak mempunyai fakta tarikh:



2.8 Keturunan daripada Nyai Syadi atau Nyai Tanjung ini dikenali sebagai perut Hilir atau Padang Lebar. Sementara keturunan daripada Nyai Sifat pula dikenali sebagai perut Hulu atau Beringin Tambak, menjadikan dua perut berkenaan bergilir-gilir menyandang pesaka penghulu luak. Seorang lagi saudara mereka Nyai Saedah tidak pula menerima gelaran. Bagi salasilah Nyak Sifat pula seperti berikut:



- 2.4 Terdapat enam orang Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil ketika wujudnya kerajaan Melayu Johor seperti dicatatkan dalam sejarah Johor iaitu:
- i. Sultan Abdul Jalil Shah I (1570 - 1571) bersemayam di Bukit Seluyut, mangkat ketika berumur 9 tahun.
  - ii. Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (1571 - 1597) bersemayam di Tanah Puteh.
  - iii. Sultan Abdul Jalil Shah III (Raja Bujang) 1623 - 1677) bersemayam di Pulau Lingga.
  - iv. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (Bendahara) (1699 - 1718) bersemayam di Panchor.
  - v. Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (Raja Kechil dari Minangkabau) (1718 - 1722), mangkat di Siak, Sumatera.
  - vi. Sultan Abdul Jalil Rahmat Muazam Shah (1760 - 1761) bersemayam di Kuala Selangor (mangkat terlalu tua dan dibawa ke Riau)
- 2.5 Peristiwa luak-luak di Negeri Sembilan keluar daripada pemerintahan Johor kalaulah mendapat mohor Sultan Abdul Jalil, kemungkinan ialah Raja Kecil dari Minangkabau yang mengisytiharkan dirinya Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah iaitu sekitar tahun 1718 - 1722. Apalagi penduduk-penduduk di luak terbabit terdiri daripada keturunan Minangkabau.
- 2.6 Sekiranya Luak Terachi menerima cop mohor Sultan Abdul Jalil juga bermakna kebangkitan luak ini sama dengan luak Johor, kerana Undang Luak Johor Dato'Sitiwan II tahun 1760 - 1790, iaitu Undang Luak Johor ketiga.
- 2.7 Bagaimanakah pula Luak Terachi menjadi sebahagian daripada Luak Ulu Muar, sekiranya Penghulu Ahmad mendahului Penghulu Naam. Di bawah ini disenaraikan salasilah keturunan Penghulu Ahmad seperti catatan di Luak Terachi yang tidak mempunyai fakta tarikh:

dimestikan penghulu luak berkahwin dengan gadis suku Biduanda dari Kampung Kundang di Sungai Ujong.

- 3.4 Pesaka penghulu luak Terachi digilirkan dengan dua perut iaitu: i) perut Padang Lebar (atau Hilir), dan ii) perut Beringin Tambak (atau Hulu). Gelaran bagi penghulu Luak Terachi ialah Dato' Anjah Pahlawan Orang Kaya Lela Setiawan.
- 3.5 Awal dekat pertama kurun kedua puluh kerana berlaku krisis kepimpinan apabila wujud dua penghulu luak. Haji Jaal penghulu luak yang diterima oleh istana dan balai Undang Luak Johol. Sementara seorang lagi penghulu luak ialah Haji Lahap yang mendapat sokongan sebahagian besar pendukung adat di Luak Terachi. Krisis dua penghulu ini tidak pernah diselesaikan sehingga kedua-dua tokoh berkenaan meninggal dunia.
- 3.6 Bagaimanapun hanya Haji Jaal sahaja penghulu luak yang diakui. Apabila beliau meninggal dunia tahun 1919, penggantinya Haji Sohor diterima oleh kerajaan Inggeris. Tetapi dalam senarai Nathan dan Winstedt nama Haji Sohor tidak termasuk sebagai salah seorang penyandang pesaka, sebaliknya mencatatkan Haji Ariffin sebagai penghulu luak yang ke sepuluh sebagai pengganti Haji Jaal. Mereka yang pernah menyandang pesaka Penghulu Luak Terachi seperti berikut:

Gelaran Pesaka	DATO' ANJAH PAHLAWAN ORANG KAYA LELA SETIAWAN	
Perut	Padang Lebar (Hilir)	Beringin Tambak (Hulu)
Penyandang secara kronologi	1. Ahmad 2. Tengkis 3. To' Pecat  7. Haji Said (Haji Darus?)  11. Haji Ariffin 13. Lebai Hussin Wahid 15. Derus bin Dobok	4. Duta 5. Linsuh 6. Sulong (Ujang?)  8. Adil 9. Haji Jaal 10. Haji Sohor 12. Haji Hussain Taib 14. Ujang bin Yahya 16. Mohamad Nasir bin Haji Nordin

3.7 Dua carak lagi daripada suku Seri Lemak Pahang ini dikenali sebagai kepala waris. Kepala waris pertama bergelar Dato' Seri Amar Raja, berasal daripada tokoh Tiga Nenek yang bersemenda dengan suku Seri Lemak Pahang. Kepala waris yang kedua pula bergelar Dato' Amar Penghulu, keturunan daripada tokoh suku Biduanda yang meyemenda kepada suku Seri Lemak Pahang. Kedua-dua tokoh berkenaan terbabit sama ketika mengadap Sultan Johor.

3.8 Mereka yang pernah meyandang pesaka kepada waris ini, terdiri daripada:

Kepala Waris	Suku Seri Lemak Pahang	
Gelaran pesaka	DATO' SERI AMAR RAJA	
Perut	Padang Lebar	Beringin Tambak
Penyandang secara kronologi	3. Sain  6. Yahya  8. Yunus bin Meon 9. Harun bin Sulaiman	1. Pekar 2. Baki  4. Jaal 5. Jaman  7. Husin

Kepala waris	Suku Seri Lemak Pahang		
Gelaran pesaka	DATO' AMAR PENGHULU		
Perut	Kampung Gedang	Tanjung Limau Purut	Tajung Lebah
Penyandang secara kronologi	1. Dosak 2. Dain 3. Badrul  6. Kechik 7. Abdullah	4. Kulub Aman  8. Asul bin Haruan	5. Haji Sohor  9. Osman b. Ahmad

#### 4. HAK MENYANDANG PESAKA

- 4.1 Luak Terachi sama dengan Luak Gunung Pasir merupakan dua luak di Tanah Mengandung yang Penghulunya tidak daripada suku Biduanda. Luak Gunung Pasir waris penghulunya daripada suku Tanah Datar, manakala Luak Terachi pula daripada suku Seri Lemak Pahang.
- 4.2. Peristiwa dihindangi pekung, satu helah untuk membolehkan suku Seri Lemak Pahang menjadi penghulu. Ketika menghadap Sultan Johor, wakil suku Binduanda yang berpenyakit pekung itu sekadar menunggu di dalam perahu. Disebabkan dia tidak mengadap sama, maka Sultan Johor telah menganugerahkan gelaran penghulu itu kepada wakil suku Seri Lemak Pahang.
- 4.3 Tahun berapa peristiwa ini berlaku tidak pula dicatatkan, hanya disebutkan dalam masa pemerintahan Sultan Abdul Jalil. Disebabkan tidak ada tarikh dicatatkan, maka kita tidak tahu Sultan Abdul Jalil yang mana daripada enam orang yang pernah memerintah kerajaan Melayu Johor itu.
- 4.4 Bagaimanapun dua orang wakil yang sama mengadap ke Johor iaitu suku Binduanda dan suku Tiga Nenek bersemenda dengan suku Seri Lemak Pahang. Oleh itu keturunan mereka mengikut suku ibunya iaitu Seri Lemak Pahang juga, dipilih menjadi 'kepala waris' dalam Luak Terachi.
- 4.5 Terdapat enam sahaja suku di dalam Luak Terachi ini dengan setiap suku diketuai oleh lembaga masing-masing. Suku Seri Lemak Pahang juga mempunyai dato' lembaganya sendiri sekalipun waris penghulu dan kepala waris juga daripada suku Seri Lemak Pahang. Enam suku tersebut ialah:
1. Suku Seri Lemak Pahang
  2. Suku Biduanda
  3. Suku Tiga Nenek
  4. Suku Batu Belang
  5. Suku Batu Hampar
  6. Suku Anak Aceh

Tanggungjawab setiap dato' lembaga sama juga seperti di luak-luak lain iaitu mengetuai suku masing-masing.

## 5. SUKU SERI LEMAK PAHANG

- 5.1. Suku utama yang paling ramai pengikut memang suku Seri Lemak Pahang. Sebahagian besar kuasa struktur adatnya dimonopoli oleh suku berkenaan. Lembaga suku tersebut bergelar Dato' Raja Sekara, dengan tiga perut terlingkung di dalam. Perut berkenaan ialah: i) Perut Padang Lebar/Bendul ii) Perut Parit, dan iii) Perut Kampung Terbakar.
- 5.2 Ketiga-tiga perut ini diketuai oleh seorang buapak sahaja bergelar To' Raja Pahlawan. Mereka yang pernah menyandang pesaka lembaga tersebut ialah:

Gelaran pesaka	DATO' RAJA SEKARA		
Perut	Padang lebar/ Bendul	Parit	Kampung Terbakar
Penyandang secara kronologi	1. Chantik 2. Timah  4. Haji Salam 5. Apal  7. Kudom 8. Ujud  11. Abdul Aziz bin Kasim	3. Batal   9. Talib	6. Kadir   10. Shamsudin

## 6. SUKU BINDUANDA

- 6.1 Lembaga suku Binduanda bergelar Dato' Raja Dimuda dianggap lembaga tua di Luak Terachi. Lembaga ini menjadi ketua kepada enam dato' lembaga yang lain, di samping menjadi wakil Penghulu Luak Terachi sebagai orang perantaraan dalam



urusan adat istiadat Undang Luak Sungai Ujong dengan istana di Seri Menanti. Ini disebabkan Luak Terachi adalah 'serambi Undang Luak Sungai Ujong'.

- 6.2 Kalau berlaku kemangkatan di istana, maka tanggungjawab Dato Raja Dimuda memberitahu Dato' Kelana Putera di Sungai Ujong sebagai wakil Penghulu Luak Terachi. Beliau juga akan meyambut Dato' Kelana Putera akan menginap terlebih dahulu di balai yang disediakan di Kampung Selampak itu oleh Dato' Raja Dimuda.
- 6.3 Terdapat tiga perut dalam suku iaitu i) Kampung Masjid, ii) parit, dan iii) Kampung Kundang. Terdapat seorang sahaja buapak mengetuai ketiga-tiga perut berkenaan bergelar To' Seri Amar Menteri. Penyandang pesaka lembaga ini terdiri daripada:

Gelaran pesaka	DATO' RAJA DIMUDA		
Perut	Kampung Masjid	Parit	Kampung Kundang
Penyandang secara kronologi	1. Sialam 2. Bayak 3. Undok 4. Ujud  7. Sair  10. Deli bin Tahir	5. Said  8. Ismail	6. Akin  9. Haji Manaf bin Udin

Peringkat awal giliran pesaka berturut-turut disandang oleh perut Kampung Masjid hingga empat kali. Selepas ini barulah giliran pesaka digilirkan mengikut perut masing-masing, iaitu selepas Dato' Ujud penyandang pesaka lembaga berkenaan.

## 7. SUKU TIGA NENEK

- 7.1 Lembaganya bergelar Dato' Menteri Maharaja, dengan tiga perut terlingkung di dalamnya iaitu i) Ayer Hitam, ii) Ulu Parit

dan iii) Kuala Parit. Buapak seorang sahaja bergelar To' Setia Raja. Mereka yang pernah menyandang pesaka ialah:

Gelaran pesaka	DATO' MENTERI MAHARAJA		
Perut	Ayer Hitam	Ulu Parit	Kuala Parit
Penyandang secara kronologi	1. Alam 2. Bomi  6. Sialam	3. Toping 4. Haji Muhammad Amin  7. Abdul Rahman bin Oyok	5. Jatin

7.2 Suku ini berasal dari Luak Ulu Muar sebelum berpindah ke Terachi. Wakil daripada suku inilah memainkan peranan penting ketika mengadap ke Johor bagi membolehkan suku Seri Lemak Pahang dikurniakan menjadi penghuiu. Pada peringkat awalnya suku Tiga Nenek ini seolah-olah tidak sehaluan dengan suku Biduanda dalam sebarang urusan adat.

## 8. SUKU ANAK ACHEH

8.1 Tiga perut terlingkung dalam suku Anak Aceh ini dengan lembaganya bergelar Dato' Amar Pahlawan. Tiga perut itu ialah i) Ayer Hitam, ii) Parit Tengah, dan iii) Ulu Parit. Buapaknya juga seorang sahaja bergelar To' Paduka Sinda.

8.2 Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Amar Pahlawan ini terdiri daripada tokoh-tokoh berikut:

Gelaran pesaka	DATO' AMAR PAHLAWAN		
Perut	Ayer Hitam	Parit Tengah	Ulu Parit
Penyandang secara kronologi	1. Lukui  4. Ining  8. Mohd Siqek b. Abd Manaf	2. Lateh  5. Haji Ahmad 7. Shamsuddin Ahmad	3. Kasah  6. Sohor

## 9. SUKU BATU BELANG

- 9.1 Gelaran lembaganya Dato' Raja Senara dengan seorang sahaja buapak yang bergelar To' Jikaya. Hanya dua perut sahaja terlingkung di dalam suku ini iaitu, i) Kampung Bukit, dan ii) Tebat. Mereka yang pernah menyandang pesaka Dato' Raja Senara ini ialah:

Gelaran Pesaka	DATO' RAJA SENARA	
Perut	Tebat	Kampung Bukit
Penyandang secara kronologi	1. Dain 2. Karim 4. Rahim 6. Manap	3. Rolak 5. Kidam 7. Hashim bin Abd. Rahman

## 10. SUKU BATU HAMPAR

- 10.1 Hanya satu sahaja perut terlingkung dalam suku Batu Hampar, dengan lembaganya bergelar Dato' Paduka Menteri. Perut di dalam suku ini ialah perut Mempas dengan buapaknya ialah To' Panglima Sati. Keturunan suku berkenaan berasal dari Ulu Muar juga. Penyandang pesaka lembaganya terdiri daripada:

Gelaran Pesaka	DATO' PADUKA MENTERI	
Perut	Mempas	
Penyandang secara kronologi	1. Gumbang 2. Saing 3. Daud 4. Mohamad Dahan 5. Yunus 6. Haji Jamfus b. Abd Ghani.	

- 10.2 Ketika meletusnya perang Bukit Putus, Luak Terachi memberi sokongan kepada Yamtuan Antah menentang Dato' Kelana Putera Syed Aman yang dibantu oleh Inggeris. Dalam perang ini Yamtuan Antah mengalami kekalahan. Apabila perjanjian dibuat antara Yamtuan Antah dan Inggeris dalam tahun 1887, Luak Terachi dimasukkan sebahagian daripada komponen Negeri Sembilan. Dalam perjanjian itu disebutkan:

*"... Bahawa inilah perjanjian yang telah diperbuat pada hari ini, tarikh 12hb. Ramadhan Sunnah 1300 bersamaan 4hb. Jun, 1887 diantara Tuan Yang Terutama Sir Frederick Aloysius Weld, GGMG Gabenor dan Commander in Chief bagi tiga buah negeri Singapura, Pulau Pinang dan Melaka serta jajahannya bagi pihak kerajaan dengan Yang Maha Mulia Tuanku Antah Seri Menanti serta keredaan atau seikrar dengan Dato'-dato' penghulu negeri itu Johol, Inas, Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir bagi pihak Negeri Sembilan...."*

- 10.3 Sekalipun ujud suku dalam adat perpatih, tidaklah bermakna masyarakatnya hidup berpuak-puak. Dalam kehidupan sehari-hari suku atau perut tidaklah dipentingkan. Setiap anggota masyarakat di dalam sesuatu kampung tetap berkeluarga dalam apa jua aktiviti. Suku hanya dipentingkan bagi menentukan waris seseorang untuk mengetahui jurai keturunan masing-masing.
- 10.4 Apabila timbul perkara-perkara yang berkaitan dengan adat, suku seseorang itu akan diteliti. Dalam perbilangan adat di Luak Terachi hubungan mereka di dalam suku disebut:

***Kundur menjalar ke hulu  
Labu menjalar ke hilir  
Pucuknya sama digentas  
Buahnya sama dipetik  
Dekat rumah dekat kampung  
Sehalaman sepermainan  
Seperigi sepermandian  
Sejamban seperulangan.***

- 10.5 Di dalam urusan adat sahaja baru suku seseorang itu dikesan. Dengan kedudukan suku itu diperjelaskan seseorang itu tahu

siapa Dato' lembaga mereka. Kalau berlaku sebarang masalah yang berkaitan dengan adat, mereka bolehlah mencari penyelesaian kepada dato' lembaga.

- 10.6 Sekiranya perlu maka akan dipanjangkan ke balai penghulu luak. Malah boleh juga disembahkan ke istana, apabila masalah itu terlalu rumit hingga tidak dapat diselesaikan di balai penghulu luak.
- 10.7 Di mana-mana luak pun sesiapa yang keluar daripada suku bermakna menjadi 'kera sumbang' dalam masyarakat. Tetapi jarang berlaku seseorang itu keluar daripada suku kecuali ianya disingkirkan atas sebab-sebab melanggar adat. Misalnya ada luak melarang berkahwin sewaris, iaitu sesama suku sendiri.

Itupun tidaklah terkeluar daripada suku kecuali ditetapkan keluarganya hingga tujuh tenggang (keturunan) tidak dibenarkan memegang pesaka sama ada lembaga mahupun buapak.

- 10.8 Setiap lembaga hanya berkuasa di dalam sukunya sahaja. Dia tidak boleh mencampuri urusan suku yang lain. Mereka tidak dibenarkan mencampuri urusan dato' lembaga yang lain seolah-olah: Berlari di padang orang, berjengket di padang sendiri. Seseorang dato' lembaga mestilah menyedari:

***Lingkung bendul rumah  
Tangga yang berketak  
Halaman yang berpagar  
Jangka yang berelak.***

## 11. DATO' ANDATAR DAN ORANG ENAM ISTANA

- 11.1 Luak Terachi menetapkan suku Seri Lemak Pahang mewarisi pesaka penghulu luaknya. Perlantikan dibuat secara digilirkan di kalangan perut yang terlingkung di dalam suku berkenaan. Kemudiannya diwujudkan pula pesaka Dato' Andatar sebagai bakal penghulu luak. Apabila seseorang penghulu luak meninggal dunia, maka Dato' Andatar dilantik menyandang pesaka.
- 11.2 Pesaka Dato' Andatar ditetapkan warisnya daripada suku Seri Lemak Pahang juga. Suku-suku lain di Luak Terachi tidak berhak menyandang pesaka tersebut. Apabila Dato' Andatar

menyandang pesaka penghulu luak, maka 'kepala waris' Seri Lemak Pahang yang diketuai oleh Dato' Amar Raja dan Dato' Amar Penghulu hendaklah menamakan calon Dato' Andatar dan memaklumkan kepada semua dato' lembaga.

- 11.3 Calon berkenaan mestilah dikemukakan kepada Dato' Raja Dimuda terlebih dahulu selaku 'lembaga tua'. Selepas itu barulah diminta persetujuan daripada lima lembaga yang lain untuk persetujuan. Setelah semua pihak berpuas hati, calon berkenaan disahkan sebagai Dato' Andatar dan diadakan upacara perlantikan mengikut aturan adat.
- 11.4 Apabila penghulu luak meninggal dunia atau dipecat, Dato' Andatar inilah menyandang pesaka dengan diisytiharkan di hadapan wakil Yamtuan dan Pegawai Daerah Kuala Pilah mewakili kerajaan. Kedudukan Dato' Andatar bukan sahaja sebagai bakal penghulu luak malah merangkap 'orang enam istana' yang terbabit dalam sebarang upacara rasmi adat istiadat di istana. Langkah menyediakan bakal penghulu luak ini selaras dengan peraturan adat:


***Sehari hilang  
Sehari berganti  
Penghulu mati penghulu menanam  
Penghulu hilang Andatar dicari.***

- 11.5 Maksudnya apabila penghulu luak meninggal dunia, maka mestilah dicari gantinya sebelum jenazah dikebumikan. Ikatan empat waris penghulu dengan enam dato Lembaga berkait rapat antara satu sama lain. Enam dato' lembaga berkenaan mempunyai kuasa memecat penghulu luak, sementara kedudukan penghulu luak pula disokong kuat oleh dua kepala waris.
- 11.6 Dato' Andatar tidaklah terikat sama ada dengan kepala waris mahupun pesaka penghulu luak. Dalam sebarang perkembangan di kalangan pemuka-pemuka adat, Dato' Andatar mestilah berkecuali.
- 11.7 Pemerintahan utama dalam sistem adat di Luak Tanah Mengandung terletak di tangan penghulu luak. Dalam hubungan ini Luak Terachi juga berpegang kepada sistem ini yang bertunjang daripada peraturan adat perpatih sendiri:

**Alam beraja  
Luak berpenghulu  
Suku berlembaga  
Anak buah berbuapak.**

- 11.8 Dalam sejarah bertulis menyebut Luak Terachi diterokai oleh Nyai Tanjung yang berasal dari Pahang. Beliau kemudian menetap di Kampung Jual, Seri Menanti sebelum membuat penempatan di Terachi. Penghulu Ahmad iaitu penghulu yang pertama adalah anak kepada Nyai Tanjung ini, yang jelas daripada keturunan suku Seri Lemak Pahang.
- 11.9 Keturunan yang diwariskan oleh suku Seri Lemak Pahang ini bermula daripada semua anak-anak Nyai Tanjung, Ahmad anaknya yang sulung menjadi penghulu pertama mewarisi suku Seri Lemak Pahang dan kemudiannya berkahwin dengan perempuan daripada suku Biduanda. Anak penghulu Ahmad ini hanya berhak mewarisi pesaka lembaga suku Biduanda iaitu Dato' Raja Dimuda.
- 11.10 Anak-anak perempuan Nyai Tanjung yang berkahwin dengan dato' lembaga daripada suku Biduanda dan Tiga Nenek ini bermulanya keturunan suku Seri Lemak Pahang kepala waris bergelar Dato' Seri Amar Raja dan Dato' Amar Penghulu. Kedudukan Dato' kepala waris ini setara dengan Dato' lembaga. Bagaimanapun pemilihan di atas Dato' Seri Amar Raja dan Dato' Seri Amar Penghulu Luak.
- 11.11 Di samping itu Penghulu Luak Terachi juga menjadi pegawai di istana. Tiap-tiap tiga tahun sekali, Penghulu Luak Terachi dikehendaki mengadap Yamtuan di Seri Menanti. Beliau juga menjadi titian adat Luak Terachi dalam hubungan dengan istana apabila berlaku sebarang perkembangan adat istiadat yang memerlukan mengadap ke Seri Menanti.





**COP MOHOR  
PENGHULU LUAK TERACHI**